SOALAN LAZIM

PERMOHONAN PENANGGUHAN BAYARAN ANSURAN PEMBIAYAAN UNTUK MANGSA BANJIR DAN BENCANA ALAM

Berikutan bencana alam dan banjir yang melanda beberapa kawasan di seluruh negara, Bank Rakyat menawarkan penangguhan bayaran ansuran bulanan bagi membantu pelanggan terjejas yang menghadapi kesukaran meneruskan pembayaran pembiayaan mereka.

1 Siapakah yang layak untuk memohon kemudahan ini?

Pelanggan yang terjejas kediaman atau tempat tinggal akibat bencana alam atau banjir.

2 Apakah bantuan yang ditawarkan oleh Bank kepada pelanggan terjejas banjir?

Bank menawarkan penangguhan sementara bayaran ansuran bulanan untuk tempoh sehingga enam bulan sepanjang tempoh pembiayaan.

3 Apakah syarat kelayakan untuk memohon kemudahan ini?

i. Akaun pembiayaan pelanggan masih belum tamat tempoh atau matang.
ii. Pemohon mestilah tinggal di kawasan yang berlakunya banjir dan termasuk dalam senarai yang diisytiharkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara atau Negeri dan Majlis Keselamatan Negara Malaysia.

4 Apakah produk yang ditawarkan menerusi kemudahan ini?

Produk yang ditawarkan ialah:

a) Pembiayaan Peribadi-i
b) Pembiayaan Perumahan-i
c) Pembiayaan Kenderaan-i
d) Sewa Beli Kenderaan-i
e) Pembiayaan Pendidikan-i
f) Pembiayaan Mikro-i
g) Pajak Gadai-i
h) Kad Kredit-i

5 Adakah kemudahan ini memberi kesan kepada laporan CCRIS pelanggan?

Tidak.

6 Apakah yang perlu dilakukan oleh pelanggan yang ingin memohon untuk mendapatkan kemudahan ini?

Pelanggan boleh menghubungi Bank melalui saluran komunikasi rasmi seperti berikut:

i. E-mel ke **bantuanbanjir@bankrakyat.com.my**
(Sila sertakan nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat terjejas, nombor telefon bimbit untuk dihubungi, jenis pembiayaan dan salinan bil utiliti yang mengesahkan alamat pelanggan)
ii. Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian **1300 800 800.**
iii. Mengunjungi cawangan Bank Rakyat atau Susulan Berpusat (SB) yang berdekatan.

Bagi pemegang Kad Kredit-i Bank Rakyat:

i. E-mel ke **kkredit@bankrakyat.com.my**
(Sila sertakan nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat terjejas, nombor telefon bimbit untuk dihubungi, jenis pembiayaan dan salinan bil utiliti yang mengesahkan alamat pelanggan)
ii. Pusat Kad Bank Rakyat di talian **03-2693 6880.**
iii. Mengunjungi Pusat Kad Bank Rakyat atau cawangan Bank Rakyat yang berdekatan.

7 Bilakah pelanggan boleh memohon kemudahan ini?

Pelanggan boleh memohon kemudahan ini bermula **24 November 2025**. Tempoh permohonan adalah selama **tiga bulan** daripada tempoh bencana yang dialami oleh pelanggan.

PERBANKAN ISLAM

Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
BANKRAKYAT بيڠكۏ رعيت
Bank Pilihan Anda
1300 80 5454 www.bankrakyat.com.my
myBANKRAKYAT
MALAYSIA MADANI
DKN 2030

8 Adakah akan berlaku perubahan jumlah ansuran bulanan selepas tamat tempoh penangguhan bayaran ansuran bulanan?

Tidak. Bagaimanapun, jumlah ansuran bulanan pembiayaan yang menggunakan kadar terapung adalah tertakluk pada perubahan Kadar Asas Standard (KAS) atau Kadar Asas (KA) atau Kadar Asas Pembiayaan (KAP) serta perubahan dari semasa ke semasa.

9 Adakah akan berlaku perubahan pada tempoh pembiayaan selepas tamat tempoh penangguhan bayaran ansuran bulanan?

Ya. Bilangan bulan tambahan yang diperlukan untuk menjelaskan pembiayaan boleh melebihi bilangan bulan penangguhan bayaran ansuran yang diambil.

10 Adakah terdapat pertambahan jumlah keuntungan yang dikenakan kepada pelanggan yang memohon kemudahan ini?

Bayaran keuntungan adalah diakru sepanjang tempoh penangguhan bayaran ansuran bulanan tetapi jumlah keuntungan keseluruhan adalah tertakluk kepada harga jualan yang telah diakad. Bagi pembiayaan kadar terapung, kadar keuntungan akan terus diakru ke atas tempoh tambahan yang diambil bagi menjelaskan pembiayaan tertakluk kepada baki keuntungan belum genap tempoh.

11 Bagaimanakah permohonan bagi akaun pembiayaan yang mempunyai lebih daripada satu penama?

Hanya seorang penama bagi akaun pembiayaan bersama perlu membuat permohonan. Bank akan menghubungi penama bersama untuk mendapatkan kebenaran.

12 Bagaimanakah permohonan pelanggan yang mempunyai lebih daripada satu akaun atau jenis pembiayaan?

Permohonan yang dibuat oleh pelanggan yang mempunyai lebih daripada satu akaun atau jenis pembiayaan di Bank Rakyat hanya perlu memohon sekali sahaja. Permohonan akan diproses bagi kesemua akaun pembiayaan pelanggan. Bagaimanapun, bagi permohonan melibatkan pembiayaan yang mempunyai lebih daripada satu penama (akaun bersama) permohonan akan diproses setelah semua penama akaun memberi persetujuan.

13 Bagaimanakah proses bagi pembiayaan yang dibayar melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA), Potongan Gaji Majikan (PGM) dan Arahan Tetap (Standing Instruction, SI)?

Bank akan membuat pemulangan bayaran bagi pembayaran ansuran pembiayaan yang telah dibuat melalui BPA, PGM dan SI semasa tempoh penangguhan bayaran ansuran bulanan.

14 Adakah pelanggan yang pernah menerima penangguhan bayaran ansuran bulanan sebelum ini masih layak untuk memohon kemudahan ini pada tahun 2025?

Ya. Pelanggan yang terjejas banjir layak untuk memohon kemudahan ini sekiranya bilangan bulan penangguhan bayaran ansuran akibat bencana alam seperti banjir, yang pernah diterima masih belum mencapai 12 bulan sepanjang tempoh pembiayaan.

Contoh 1:
En. Ahmad telah melanggan Pembiayaan Peribadi-i Bank Rakyat pada 2023 dengan tempoh pembiayaan selama 10 tahun. Pada tahun 2024, En. Ahmad menerima penangguhan bayaran ansuran bulanan selama enam bulan. Oleh itu, beliau masih layak untuk memohon kemudahan ini selama enam bulan pada tahun 2025.

Contoh 2:
En. Ali telah melanggan Pembiayaan Peribadi-i Bank Rakyat pada 2022 dengan tempoh pembiayaan selama 10 tahun. Pada tahun 2023, En. Ali menerima penangguhan bayaran ansuran bulanan selama enam bulan. Pada tahun 2024, En. Ali menerima penangguhan bayaran ansuran bulanan selama enam bulan lagi, berikutan beliau menghadapi bencana banjir. Oleh itu, beliau tidak lagi layak untuk memohon kemudahan ini sehingga tamat tempoh pembiayaan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
BANKRAKYAT بيغك رعيت
Bank Pilihan Anda
1300 80 5454 www.bankrakyat.com.my
myBANKRAKYAT
MALAYSIA MADANI
DKN 2030